

NO. SOALAN :23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN
[SIK]**

TARIKH JAWAPAN : 31 JULAI 2017

SOALAN

DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai alternatif bagi mendapatkan sumber air bersih seperti sumber air bawah tanah dan sumber air laut bagi mengatasi kekurangan sumber air yang semakin kritikal sejak kebelakangan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Di Malaysia, sumber utama air mentah bagi kegunaan loji rawatan air ialah 82.4% diambil terus dari sungai, 16.1% dari empangan dan 1.5% dari bawah tanah.
2. Bagi mempelbagai sumber air mentah, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air juga menumpukan kepada beberapa kaedah alternatif seperti pembinaan baraj sungai, pembinaan *off river storage* (ORS), *riverbank filtration system* (RBF), penggunaan air tanah (*ground water*), pembinaan empangan bawah tanah, penggunaan air daripada kolam takungan banjir dan penggunaan air dari tasik semula jadi atau buatan.
3. Pada masa ini, belum terdapat keperluan untuk menggunakan air laut sebagai sumber bekalan air mentah bagi kegunaan domestik dan industri.

Sekian, terima kasih
